

08/04/1998

Giatkan panel perpaduan negara

KUALA LUMPUR, Selasa - Rakyat negara ini mesti sentiasa sensitif dan mengelak sebarang isu atau pertikaian yang boleh merosakkan perpaduan di antara kaum, kata aktivis masyarakat, Datuk Lee Lam Thye.

Beliau berkata, rakyat negara ini tidak boleh leka atau lupa mengenai semangat tolak ansur, walaupun masyarakat berbilang kaum selama ini sudah mengamalkan toleransi.

Sehubungan itu, beliau meminta Panel Penasihat Perpaduan Negara yang ditubuhkan beberapa tahun lalu diaktifkan semula bagi membincangkan isu berkaitan perhubungan kaum, budaya dan agama.

Sumbangan panel berkenaan, contohnya, memberi takrifan makna perpaduan sebagai satu keadaan rakyat pelbagai kumpulan etnik, agama dan wilayah, hidup aman sebagai satu bangsa yang bersatu dan memberi iltizam penuh kepada identiti kebangsaan, berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

"Adalah penting supaya panel itu diberi tugas membincangkan perkara berkenaan dan menyebarkan maklumat itu supaya rakyat negara ini sentiasa sensitif kepada isu yang boleh merosakkan perpaduan kaum dan agama," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan Aidiladha hari ini juga meminta umat Islam di negara ini supaya tidak mencemar imej dan agama hanya kerana menganggap jumlah mereka ramai.

Rakyat berbilang bangsa dan agama di negara ini walaupun kelihatan harmoni, tetapi pertelingkahan etnik dan agama mungkin muncul jika rakyat tidak sensitif kepada perpaduan.

(END)